

## ABSTRAK

Undang-undang adalah mekanisme kawalan dalam sesebuah kerajaan bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat. Pemerintahan Sultan Abdul Hamid Shah (1882-1943) di Kedah dijadikan bahan kajian kerana baginda memerintah negeri Kedah selama enam puluh satu tahun. Di samping itu, baginda memerintah Kedah ketika Semenanjung Tanah Melayu sedang diusahakan oleh kuasa-kuasa Barat yang berpengaruh ketika itu untuk dimasukkan dalam rangka sistem kapitalis dunia. Bermula dari itu, berlakulah penerapan pengaruh Inggeris, pertama melalui penasihat Siam berbangsa Inggeris, kedua Penasihat Inggeris dan setelah itu terbentuk pula Majlis Negeri yang memperkenalkan undang-undang mengikut tahap-tahap pemodenan yang diserapkan oleh unsur-unsur luar itu. Undang-undang yang diperkenalkan oleh Sultan Abdul Hamid melalui nasihat Majlis Negeri adalah manifestasi kemasukan ciri-ciri kehidupan moden dalam masyarakat. Melalui *socio-legal study*, data-data primer mengenai undang-undang yang diperkenalkan telah dikutip melalui dokumentasi Arkib Negara (laporan tahunan, surat, minit, memo dan sebagainya). Data-data sekunder digunakan bagi menyokong peruntukan undang-undang yang diperkenalkan dan juga bagi mendapatkan sumber bagi peruntukan undang-undang yang tidak ditemui dari sumber primer. Dapatan kajian memperlihatkan: Undang-undang yang diperkenalkan oleh Sultan Abdul Hamid (1882 hingga 1905); Undang-undang yang diperkenalkan selepas penubuhan Majlis Negeri dengan kehadiran Penasihat Siam berbangsa Inggeris (1905 hingga 1908); Undang-undang yang diperkenalkan selepas kemantapan Majlis Negeri dengan kehadiran Penasihat Inggeris (1909 hingga 1943); dan, penyusunan pentadbiran kerajaan dan pentadbiran undang-undang negeri Kedah.